

Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Surah Al-Fatihah (*The Method of Mastering Mufradat Arabic Through Surah Al-Fatihah*)

Noor Effendi Bin Ismail^{1*}, Nik Mohd Rahimi Bin Nik Yusoff²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p105257@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nik@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Noor Effendi Bin Ismail
(p105257@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Surah al-Fatihah
Penguasaan mufradat
Strategi pembelajaran

KEYWORDS:

Surah al-Fatihah
Mufradat mastery
Learning strategies

CITATION:

Noor Effendi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2022). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Surah Al-Fatihah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001418. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1418>

ABSTRAK

Penguasaan terhadap mufradat atau kosa kata bahasa Arab boleh berlaku dalam pelbagai kaedah pengajaran. Surah al-Fatihah merupakan surah yang wajib dipelajari dan diingati oleh semua umat Islam untuk menyempurnakan rukun solat yang ketiga. Surah ini pula telah mula diajarkan kepada murid-murid sekolah rendah yang berada pada tahun satu. Kajian ini dibuat bertujuan untuk melihat kaedah yang boleh digunakan dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam kosa kata bahasa Arab melalui kefahaman surah al-Fatihah. Penguasaan mufradat dalam surah ini amat penting agar bacaannya lebih difahami dan dijiwai dalam solat. Pada masa yang sama juga dapat meningkatkan lagi keinginan murid untuk memahami surah-surah yang lain di samping menambah kosa kata dalam Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan metodologi kajian tinjauan. Kaedah kepustakaan juga digunakan dengan mengkaji jurnal dan artikel yang berhubung rapat dengan cara pengajaran dan penguasaan bahasa Arab.

ABSTRACT

Mastery of Arabic vocabulary or mufradat may apply in various teaching methods. Surah al-Fatihah is a surah that must be studied and remembered by all Muslims to complete the third pillar of prayer. This Surah has also been taught to elementary school students who are in year one. This study aims to see the methods that can be used to improve students' mastery of Arabic vocabulary through the understanding of Surah al-Fatihah. Mastery of mufradat in this surah is very important so that the reading is better understood and inspired in prayer. At the same time, it can also increase students' desire to understand other suras besides increasing vocabulary in Arabic. This study uses a review study methodology. Literature methods are also used by reviewing journals and articles that are closely related to the way of teaching and mastering the Arabic language.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah mengkaji tentang keberkesanan teknik hafazan surah serta makna perkataan dalam proses untuk menambah kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga dapat memberikan kesedaran pentingnya penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

1. Pengenalan

Al-Quran merupakan himpunan firman dari Allah S.W.T yang terkandung dalamnya 114 surah yang dibahagikan ke dalam 30 juzuk. Bukanlah mudah untuk seseorang itu memahami al-Quran tanpa ada guru dan penguasaan yang baik terhadapnya kerana al-Quran itu sendiri diturunkan dalam Bahasa Arab yang mana ia merupakan Bahasa kedua atau ketiga masyarakat di Malaysia. Di permulaan kitab al-Quran terkandung surah al-Fatihah sebagai pembuka kepada surah-surah yang lain. Surah ini juga merupakan satu surah yang sering dibaca dan selalu diamalkan dalam solat seorang Muslim. Meskipun ia selalu dibaca, namun belum tentu semua pembaca memahami isi kandungannya dengan betul. Sepatutnya kelancaran dan penguasaan dalam bacaan surah ini menjadi perkara yang amat perlu diutamakan kerana dengan mempelajari bacaan dan memahami isi kandungan ayatnya akan menjadikan iman seseorang itu lebih kuat. Seharusnya, penguasaan dari segi makna dan ilmu bahasa yang terkandung dalam surah ini merupakan perkara yang amat penting bagi seseorang Muslim yang mengaku beriman kepada kitab Allah, kerana dengan memahami isi kandungan dalam al-Quran ianya dapat menguatkan lagi iman, kekhusyukan dalam solat dan meningkatkan lagi diri untuk beramal soleh sehingga kita akan terpelihara untuk selalu dekat dengan Allah dan kitabnya.

Bahasa Arab dan al-Quran kedua-duanya saling berkait rapat antara satu sama lain. [Rosidah \(2015\)](#) mengatakan bahawa menghafal dan memahami isi kandungan al-Quran mempunyai hubungan yang membawa kepada pengaruh positif terhadap prestasi pembelajaran bahasa Arab. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian [Nuha \(2015\)](#), yang mana beliau menyatakan adalah wajib untuk mempelajari bahasa Arab bagi mempelajari dan menguasai isi al-Quran dan mempelajari bahasa Al-Quran itu adalah seiring dengan mempelajari bahasa Arab. Kefasihan dan kelancaran membaca bahasa Arab itu akan datang dengan sendirinya apabila mereka yang fasih membaca al-Quran. Hasil dari kajian-kajian lepas membuktikan bahawa kemampuan membaca al-Quran mempunyai kesepaduan dengan kelancaran berbahasa Arab dalam pendidikan. [Baharudin \(2015\)](#) menyatakan al-Quran di negara Arab sentiasa dijadikan rujukan kepada tatabahasa Arab dan dalil bagi mengukuhkan sesuatu hujah yang dikeluarkan. Kajian terhadap pelajar sekolah hafazan menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab tidak sebaik pencapaian mereka dalam hafazan al-Quran. Masalah yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah kurangnya mufradat bahasa Arab dalam menjawab peperiksaan dan penulisan. Kajian ini cuba untuk menggunakan surah al-Fatihah sebagai pengetahuan yang telah ada untuk memperkayakan lagi kosa kata di kalangan murid dalam menguasai bahasa Arab.

1.1. Objektif Kajian

Bagi menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci, objektif kajian tindakan ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan mufradat murid dalam surah al-Fatihah.

- ii. Mengenal pasti kaedah yang boleh digunakan dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam kosa kata bahasa Arab melalui kefahaman surah al-Fatihah.

2. Sorotan Literatur

[Jaafar et al. \(2019\)](#) mengkaji mengenai tahap penguasaan asas kosa kata Arab dalam kalangan 270 orang pelajar madrasah tahfiz dari sembilan buah madrasah terpilih sekitar Melaka. Mereka telah membuat kesimpulan bahawa tahap penguasaan asas kosa kata Arab bagi pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka berada pada tahap tinggi, manakala tahap penguasaan asas tatabahasa Arab pula pada tahap sederhana. Dalam kajian mereka juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab.

[Baharudin \(2015\)](#) menyatakan bahawa bahasa Arab boleh dikuasai dengan lebih mudah jika seseorang itu dapat menguasai al-Quran. Pendekatan menghafaz al-Quran adalah kaedah terbaik dalam kemahiran Mufradat. Ia juga mampu menyelesaikan masalah kelemahan pelajar dalam penggunaan mufaradat bagi menjawab peperiksaan, penguasaan pelajaran bahasa Arab, komunikasi dan sebagainya. [Ngalawi dan Zainal \(2020\)](#) juga mendapati saiz kosa kata juga berhubungan dengan kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Penguasaan kosa kata merupakan tunjang dalam sesebuah penulisan dan sumber yang penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa.

Bidang leksikologi boleh diumpamakan sebagai suatu bidang berkaitan ilmu yang mengkaji perkataan dan penguasaan kosa kata. Bidang pengukuran atau pengujian penguasaan kosa kata bagi aspek pengetahuan makna kosa kata dan penggunaannya masih kurang diberi perhatian dan belum banyak dikaji ([Hashim et al., 2020](#)). [Khalid et al. \(2017\)](#) menyatakan bahawa aplikasi permainan Bahasa bermultimedia menerusi tilawah al-Quran mampu untuk membantu memberi kefahaman kepada pelajar dan orang awam dalam memahami kandungan surah al-Fatihah. Dalam masa yang sama, ianya juga dapat menambah minat dan pengetahuan dari segi mufradat secara maya dan amat sesuai pada zaman ini untuk memberi kemudahan kepada orang ramai untuk memperoleh ilmu di serata tempat.

Tempoh bagi menguasai sesuatu pembelajaran juga merupakan faktor yang penting dalam menentukan tahap penguasaan kosa kata Bahasa Arab. Dapatan kajian [Zaini et al. \(2020\)](#) membuktikan bahawa saiz kosa kata (SKK) pelajar berkorelasi secara signifikan dengan tempoh belajar bahasa Arab. Manakala tempoh pembelajaran bahasa pula berkait rapat dengan beberapa faktor lain seperti jenis sekolah di peringkat menengah dan sijil lepas menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan di antara SKK dengan tempoh belajar pelajar memberikan petunjuk bahawa semakin lama tempoh pembelajaran bahasa Arab maka semakin besar SKK bahasa Arab yang dikuasai pelajar. Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang tinggi akan mempengaruhi kedalaman pengetahuan kosa kata. [Ismail et al. \(2016\)](#) dalam dapatan peserta kajiannya, mereka menggunakan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata ketika belajar kosa kata baharu berimbuhan bahasa Arab, namun tahap penggunaan strategi dalam kalangan peserta adalah rendah.

[Kamaruddin dan Baharudin \(2017\)](#) mendapati bahawa pelajar yang cemerlang menggunakan strategi yang pelbagai untuk pembelajaran kosa kata mereka. Manakala pelajar yang lemah hanya memfokuskan kepada strategi pembelajaran yang melibatkan

proses mengingat perkataan. Guru amat memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan strategi dalam pengajaran Bahasa Arab terhadap pelajar mereka. [Aman dan Baharudin \(2019\)](#) mendapati majoriti amalan guru untuk mengajar perbendaharaan kata bahasa Arab ialah strategi pembelajaran dan promosi (PdP) berpusatkan guru, strategi PdP berpusatkan pelajar, menekankan kemahiran bahasa dan pengetahuan pengajaran kandungan. Pendedahan daripada kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran kosa kata dan menguasai ilmu pengajaran kandungan. Kepelbagaian dalam teknik mengingat kosa kata pelajar sangat dipengaruhi oleh persekitaran dan aktiviti sosial mereka ([Hasim et al., 2020](#)).

[Razak et al. \(2020\)](#) menunjukkan data sebahagian besar pelajar pada peringkat universiti mempunyai masalah menguasai kosa kata yang serius. Masalah kelemahan kosa kata yang telah dibuktikan dalam kajiannya boleh dikaitkan dengan kelemahan penguasaan bahasa Arab secara umum dalam kalangan pelajar universiti. Bagi mengatasi masalah kosa kata yang berlaku dalam kalangan pelajar ini, [Husain dan Mohamad \(2020\)](#) dalam hasil kajiannya mendapati bahawa penetapan saiz kosa kata amat penting dalam membantu memudahkan lagi cara pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Strategi pengajaran yang fokusnya terhadap aspek ujian saiz kosa kata bahasa Arab perlu diadakan, begitu juga dengan senarai kosa kata yang lebih bertepatan dengan pelajar Melayu yang belajar bahasa Arab. Strategi ini dapat membantu mereka untuk menguasai mufradat dengan lebih baik

[Kamaruddin dan Baharudin \(2017\)](#) telah membuat kajian terhadap ujian yang dibina untuk mengenal pasti kebolehpercayaan ujian tahap saiz kosa kata Arab. Berdasarkan dapatan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap ujian tersebut, terdapat bukti bahawa ianya memenuhi kriteria psikometri kebolehpercayaan dan kesahan. Nilai kebolehpercayaan yang tinggi ini menunjukkan bahawa ujian tersebut dapat mengukur secara konsisten penguasaan saiz kosa kata seseorang pelajar.

3. Metod Kajian

Kajian ini memilih reka bentuk kajian tinjauan di mana murid menjawab soalan ujian bahasa Arab dan setelah melihat kesalahan-kesalahan yang terdapat dari jawapan murid-murid itu, ianya akan dianalisis. Kertas jawapan murid merupakan dokumen yang akan dianalisis kerana ia untuk mencapai objektif dalam kajian ini. Berdasarkan tajuk tinjauan, tinjauan ini memerlukan rujukan daripada pelbagai disiplin ilmu seperti Bahasa Arab dan Tafsir Al-Quran. Berkenaan dengan Tafsir al-Quran untuk memastikan perkataan dalam ayat surah al-Fatihah betul dari maknanya manakala bahasa Arab pula, kajian ini menyentuh tentang terjemahan Arab-Melayu. Jadi, kesemua perkara-perkara yang disebut di atas perlu dicari oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang kajian ini. Setelah mencari rujukan yang diperlukan, pengkaji mula membaca dan meneliti setiap maklumat yang terkandung dalam rujukan. Maklumat mestilah berkaitan dengan tajuk kajian. Maklumat- maklumat itu mestilah yang berkaitan dengan tajuk kajian.

3.1. Responden Kajian

Responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada 30 orang murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Nong Chik, Johor Bahru, Johor. Seterusnya, sampel kajian terdiri dari kalangan murid-murid tahun enam yang mempelajari mata pelajaran bahasa Arab di sekolah. Jumlah bilangan sampel diambil berdasarkan jumlah keseluruhan populasi

murid-murid tahun enam dari sekolah yang tersebut. [Jadual 1](#) di bawah menunjukkan responden yang terlibat dengan lebih terperinci.

Jadual 1: Responden bagi kajian tindakan

Sekolah	Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
SK Nong Chik	6	20	10	30

4. Hasil Kajian

Data-data kajian diperoleh daripada kitab terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Pengkaji akan mengeluarkan setiap ayat yang mengandungi makna daripada surah al-Fatihah. Kemudian, perkataan-perkataan daripada ayat-ayat tersebut dipilih dan diterjemahkan perkata mengikut susunan ayat. Terjemahan perkataan-perkataan ini mengikut dari Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Setelah data diterbitkan dan dikumpulkan, proses analisis data berlaku. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji akan membandingkan dua jenis data dalam terjemahan melalui dua kategori iaitu persamaan dan ketidaksamaan.

Analisis pada bahagian ini menjelaskan pencapaian ujian yang dilakukan ke atas murid dalam kaedah kosa kata melalui surah al-Fatihah. Sepuluh soalan bagi pemilihan makna bagi perkataan dalam surah al-Fatihah.

Dapatan bagi soalan bahagian A Berdasarkan [Jadual 2](#), kesalahan pertama murid ialah dalam memilih makna perkataan الْعَالَمِينَ. Kesalahan ini berpunca dari murid yang tidak tahu dan menghafaz makna perkataan dari surah ini. Peratus kesalahan yang dicatatkan adalah sebanyak 50%. Separuh dari murid telah memilih jawapan yang salah bagi makna perkataan ini.

Jadual 2: Soalan bagi pemilihan makna bagi perkataan dalam surah al-Fatihah

Bil	Perkataan dari Surah al-Fatihah	Peratus Salah	Peratus Betul
1	الْعَالَمِينَ	50%	50%
2	الرَّحِيمِ	33%	67%
3	مَالِكِ	43%	57%
4	يَوْمَ الدِّينِ	56%	44%
5	اهْدِنَا	56%	44%
6	نَسْتَعِينُ	63%	37%
7	المُسْتَقِيمِ	53%	47%
8	الْمَغْضُوبِ	56%	44%
9	أَنْعَمْتَ	40%	60%
10	الرَّحْمَنِ	53%	47%

Kesalahan kedua pula pada perkataan الرَّحِيمِ di mana 33% memilih makna yang salah iaitu maha besar. Ini bermakna kesalahan yang berlaku pada murid berada di tahap yang rendah. Ketiga ialah perkataan مَالِكِ, kesalahan jawapan yang ditulis ialah yang bertaqwa. Murid tidak jelas dengan makna perkataan kerana terkeliru dengan pilihan jawapan yang ada. Jumlah peratus yang salah dalam soalan ini adalah sebanyak 43%. Kesalahan keempat pula adalah perkataan يَوْمَ الدِّينِ yang mana peratus kesalahan yang dilakukan murid adalah sebanyak 56%. Jika dilihat kepada kesalahan ini, ia telah melibatkan hampir

separuh dari jumlah murid yang buat ujian ini. Murid banyak keliru dengan makna perkataan ini di mana mereka memilih hari kemuliaan berbanding makna sebenarnya ialah hari pembalasan.

Sementara itu, peratus kesalahan kelima seperti yang dicatatkan ialah sebanyak 56% juga adalah pada perkataan اهْدِنَا. Ini menunjukkan bahawa kesalahan murid pada kesalahan kedua jelas menunjukkan bahawa murid tidak tahu atau kurang memahami makna yang betul yang perlu ditulis bagi kedua-dua perkataan dari surah al-Fatihah tersebut.

Keenam ialah kesalahan murid dalam memilih makna perkataan نَسْتَعِينُ kerana keliru dengan pemilihan jawapan sama ada memohon pengampunan atau memohon pertolongan. Sepatutnya, murid perlu menulis jawapan memohon pertolongan, bukannya memohon pengampunan. Seterusnya, peratus kesalahan yang dicatatkan ialah sebanyak 63 % bagi perkataan ini. Hal yang demikian menyebabkan kesalahan terjadi pada pemilihan mufradat yang betul. Jumlah peratus kesalahan menunjukkan yang kesalahan yang dilakukan oleh murid agak ketara. Ini kerana peratus dan kekerapan tersebut menyamai setengah dari jumlah keseluruhan murid yang terlibat. Justeru, kesalahan yang seumpama ini jika tidak diperbaiki melalui teknik yang betul, maka kesalahan yang sama akan berulang. Murid semestinya diberi pendedahan tentang bacaan surah al-Fatihah berserta maknanya agar terhasilnya kefahaman yang betul sekaligus menambah kosa kata pelajar tersebut.

Seterusnya, kesalahan yang ketujuh ialah murid memberi jawapan makna الْمُسْتَقِيمَ jalan kemusnahan. Kekeliruan pada makna perkataan ini ialah punca kepada berlakunya kesalahan ini. Justeru, kekeliruan ini dapat diatasi sekiranya murid dapat menghafaz surah al-Fatihah. Selanjutnya, menulis makna bagi perkataan الْمَغْضُوبِ merupakan kesalahan yang kelapan. Kemudian, kesalahan ini jika diteliti ia disebabkan oleh kerana murid kurang mengingati maksud perkataan ini walaupun kerap dibaca dalam kelas. Peratus bagi jenis kesalahan yang kelima ini ialah sebanyak 56%. Di samping itu, peratus kesalahan bagi jenis kesalahan kesembilan bagi perkataan أَنْعَمْتَ mencatatkan sebanyak 40%. Peratus dan kekerapan kesalahan bagi jenis yang kesembilan ini dilihat agak rendah jika dibandingkan dengan kesalahan-kesalahan sebelum ini. Akhir sekali, pada jadual 2 menunjukkan jenis kesalahan yang kesepuluh. Murid sebanyak 53% telah salah memilih jawapan bagi perkataan الرَّحْمَنِ. Peratus kesalahan yang telah dicatat sama dengan peratus perkataan الْمُسْتَقِيمَ. Manakala 16 daripada 30 orang murid yang terlibat ialah merupakan jumlah kekerapan kesalahan yang dicatatkan bagi jenis kesalahan kesepuluh.

Pada keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa terdapat kesalahan yang tertinggi ialah pada perkataan نَسْتَعِينُ. Peratusan kesalahannya ialah sebanyak 63%. Hasil dari analisis data ini menunjukkan lapan perkataan dari surah al-Fatihah berjaya melepasi peratusan lulus bagi melihat penguasaan murid dalam mengingati dan memahami makna perkataan.

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini mempunyai potensi untuk memberi impak yang besar kepada murid dengan menjadikan surah-surah dalam al-Quran sebagai pengayaan kosa kata dalam pembelajaran Bahasa Arab. Di samping itu, para pelajar dan orang awam juga akan lebih mudah untuk memahami dan mampu memahami surah al-Fatihah dengan lebih jelas melalui membaca dan mengingati terjemahan surah tersebut. Semua guru Bahasa Arab perlu lebih berinovasi dalam mencari strategi pembelajaran bagi murid-murid mereka.

Menguasai kosa kata Bahasa Arab melalui menghafaz surah dan terjemahannya akan menambah lagi perkataan sedia ada murid.

Kajian ini mendapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam kefahaman mufradat ini dengan pelbagai jenis. Terdapat kesalahan murid dalam memilih makna yang betul bagi mufradat dalam surah al-Fatihah adalah kerana kurangnya kefahaman terhadap surah itu sendiri. Sebab kesalahan kedua pula adalah tidak menghafaz dengan betul sebelum ujian dilakukan. Kurangnya keinginan untuk mengingat dengan betul makna dalam surah al-Fatihah.

Seterusnya, di kalangan murid tiada kefahaman yang jelas tentang intisari dari surah al-Fatihah, kurangnya kefahaman dari situ menyebabkan mereka tidak dapat memberi makna bahasa Arab yang betul. Kefahaman dalam surah ini juga dapat dijadikan sebagai tambahan dalam perbanyakan lagi mufradat dalam diri pelajar.

6. Kesimpulan

Kepelbagaian dalam strategi pembelajaran amat penting dalam menyampaikan suatu ilmu kepada pelajar. Sehubungan itu, pengkaji bersetuju bahawa dengan mengaplikasikan kaedah kefahaman terhadap al-Quran dalam proses pengayaan kosakata di samping memahami surah al-Fatihah adalah bersesuaian dan bertepatan dengan matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam usaha memperkasakan proses pembelajaran bahasa Arab khususnya penguasaan kosa kata. Diharapkan juga dapat mendatangkan manfaat kepada semua pihak dalam usaha memperkasakan proses pembelajaran Bahasa Arab sekaligus al-Quran khususnya kemahiran mengenal, menghafaz serta memahami makna perkataan bahasa al-Quran dalam surah al-Fatihah.

Sementara itu, peratusan kesalahan yang mempunyai catatan yang tinggi iaitu melebihi daripada 70% dan keatas, maka ia perlu diberi lebih perhatian yang sewajarnya terhadap pembelajaran dan pengajarannya. Bahkan, peratus kesalahan yang tinggi dapat ditangani jika sekiranya guru bahasa Arab dan murid memainkan peranan masing-masing menerusi pengajaran dan pembelajaran secara proaktif dengan mengadaptasikan keduanya bercirikan abad ke-21.

Di samping itu, bagi melihat sesuatu kaedah itu berjaya atau tidak, satu proses menganalisis kesalahan bahasa juga perlu digunakan dalam kajian ini terhadap pembelajaran bahasa Arab agar ia mampu memberi impak yang positif terhadap pengajaran guru bahasa Arab. Ini kerana, ia mampu membantu mereka dalam menambahbaikkan pengajaran yang sedia ada dalam menambah kosa kata murid berdasarkan surah al-Fatihah dan doa Iftitah. Sekaligus ia dianggap sebagai nilai tambah terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di kalangan guru bahasa Arab di sekolah rendah.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden-responden yang memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak atau individu dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Aman, A. A. & Baharudin, H. (2019). Amalan Pedagogi Jurulatih Utama Bahasa Arab Dalam Pengajaran Kosa Kata Peringkat Sekolah Kebangsaan Di Negeri Melaka. *GJAT*, 15-27. www.gjat.my
- Baharudin, H. (2015). Kaedah penguasaan mufradat bahasa arab melalui ayat lazim berasaskan hafazan al-Quran: tinjauan awal. *International Seminar on al-Quran in contemporary Society*, 1-14.
- Hashim, H., Abu, B. K. & Ahmad, M. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna Dan Penggunaannya, *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 157-171. <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-13>
- Hasim, N. A., Adnan, N. H., Izhar, N. I. & Bakar, A. M. A. (2020). Pengaruh Persekitaran Dalam Penggunaan Strategi Memori Kosa Kata Pelajar KUIM. *Jurnal Kesidang Kesidang Journal*, 5, 1-9.
- Husain, N. S. & Mohamad N. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, *UiTM International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 38-62.
- Ismail, M. Z., Bakar, K. A., Mustapha, N. F. N., & Rouyan, N. M. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 47-68. <http://dx.doi.org/10.21315/apjee2016.31.4>
- Jaafar, N., Dzahid, M. Z. M., Radzi, N. A. A. & Salwai, A. M. (2019). Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka, *Jurnal Kesidang*, 4, 53-62.
- Kamaruddin, N. N. A. & Baharudin, H. (2017). Strategi Pembelajaran Kosa Kata Dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab Dalam Kalangan Pelajar Stam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 64-73.
- Khalid, M. N. M., Hamid H. A., Khalid, M. F., Hassan, M. A. A. & Daoh, M. B. (2017). Kefahaman Surah Al-Fatihah Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia, *Journal of Education and Social Sciences*, 7(1), 316-325.
- Ngalawi, A. C. & Zainal, H. (2020). Kajian Literatur Saiz Kosa Kata Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 157-169. <http://www.bitarajournal.com>

- Nuha, M. M. (2015). Studi Korelasi Antara Penguasaan Pelajaran Bahasa Arab Dengan Kemampuan Membaca Al-Qur'an Siswa MI Matholiunnajah Sinanggul Kec. Mlonggo Kab. Jepara tahun pelajaran 2014/2015. Tesis Sarjana. UIN Walisongo
- Razak, Z. R. A., Samah, R. & Ismail, S. (2020). Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia, *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal)*, 10(1), 71 – 80. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.3544>
- Rosidah, H. (2015). *Pengaruh Kemampuan Menghafal al-Quran Terhadap Prestasi Belajar Bahasa Arab Siswa Tahfiz MTs. YAPI PAKEM SLEMAN Yogyakarta Ditinjau dari Perspektif Teori Behavioris*. Tesis Sarjana. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Zaini, A.R., Hasan, Y. & Rahman, R.A. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123-135. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/49>